PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku kedua 2015. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa meningkat, kadar faedah dalam pasaran wang domestik kekal stabil. Kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat 3.16% hingga 3.25% pada suku itu, manakala kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) secara relatif stabil. Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) terus sederhana susulan pengumuman oleh Bank Negara Malaysia pada 30 Januari 2015 mengenai pengaturan untuk memudahkan peralihan kepada pelaksanaan sepenuhnya Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) menjelang tahun 2019. Operasi *reverse repo* oleh Bank Negara Malaysia untuk menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank turut membantu meredakan trend menurun kadar, terutamanya untuk tempoh lebih panjang. Bagi keseluruhan suku kedua, kadar KLIBOR 3 bulan menurun daripada 3.73% kepada 3.69%. Kadar niaga hadapan KLIBOR 3 bulan secara relatif kekal stabil, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah dasar tidak berubah.

Dari segi kadar runcit, kadar deposit dan kadar peminjaman pada amnya tidak berubah sepanjang suku kedua. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan untuk tempoh 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 3.08% hingga 3.31%. Kadar asas (base rate, BR) purata bank-bank pada penghujung suku kedua menurun sedikit pada 3.88%, apabila dua bank telah menurunkan BR mereka pada bulan Jun susulan penurunan KLIBOR. Beberapa bank lain mengambil langkah yang sama dan menurunkan BR masing-masing pada awal bulan Julai.

Kadar Faedah

	2014	2015	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	3.24	3.24
1 bulan	3.54	3.28	3.48
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.79	6.79
Kadar asas (BR)			
Bank perdagangan	-	3.90	3.88
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.37	5.48	5.44
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	3.08	3.08
12 bulan	3.15	3.31	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

Penurunan M3 pada suku kedua didorong terutamanya oleh tuntutan bersih yang lebih rendah terhadap Kerajaan, mencerminkan pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) oleh sektor swasta, yang diterbitkan berikutan jangkaan bahawa beberapa bon Kerajaan akan matang pada separuh kedua tahun 2015. Penurunan M3 juga disebabkan oleh aset asing bersih sistem kewangan yang lebih rendah berikutan aliran keluar bersih pada suku itu. Walau bagaimanapun, penurunan M3 diimbangi sebahagiannya oleh pemberian kredit yang berterusan kepada sektor isi rumah dan perniagaan.

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sementara itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit (akhir bulan Jun 2015: 5.44%; akhir bulan Mac 2015: 5.48%).

M3 menjadi sederhana pada suku kedua

Wang secara kecil atau M1 meningkat sedikit, iaitu sebanyak RM0.2 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 meningkat pada kadar 9.5% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2015: 10.2%). Wang secara luas atau M3 menyusut sebanyak RM7.2 bilion pada asas suku tahunan namun masih mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.0% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2015: 7.9%).

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
M3	**19.5**	**41.2**	**35.9**	**-7.2**	**28.7**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2.9	9.9	-4.6	-20.4	-25.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	29.0	53.4	28.2	22.6	50.8
Pinjaman	*26.5*	*51.1*	*25.1*	*21.7*	*46.9*
Sekuriti	*2.6*	*2.3*	*3.1*	*0.9*	*4.0*
Aset asing bersih[1]	4.6	8.4	-1.5	-13.9	-15.4
BNM	*3.1*	*-14.9*	*-25.0*	*-2.1*	*-27.1*
Sistem Perbankan	*1.5*	*23.3*	*23.5*	*-11.8*	*11.7*
Pengaruh lain	-17.0	-30.5	13.8	4.5	18.3

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku itu. Walau bagaimanapun, komposisi instrumen monetari yang digunakan untuk menyerap lebihan mudah tunai telah diselaraskan untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank untuk mengurus kedudukan mudah tunai mereka. Khususnya, terbitan bil Bank Negara Malaysia telah digantikan dengan instrumen lain yang mempunyai tempoh matang yang lebih singkat, seperti peminjaman pasaran wang dan repo, lantas membolehkan lebihan mudah tunai bank-bank yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia menjadi matang dengan lebih kerap. Ini bagi membolehkan bank-bank memenuhi sebarang pengeluaran dana secara tiba-tiba disebabkan oleh aliran keluar dana asing.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku kedua

Pada suku kedua, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM290.1 bilion (S1 2015: RM282.6 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 8.3% pada suku kedua (S1 2015: 8.3%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM8.1 bilion pada suku kedua (S1 2015: RM9.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 8.7% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2015: 8.9%). Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang diberikan kepada perniagaan meningkat pada suku kedua dengan paras kredit yang lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *perdagangan borong dan runcit, dan restoran dan hotel; perkilangan; pertanian* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikas*i. Khususnya, pembiayaan untuk PKS terus kukuh, dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 17.2% (S1 2015: 17.2%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah pembiayaan kasar	**281.0**	**563.2**	**282.6**	**290.1**	**572.7**	**13.6**	**14.8**	**0.1**	**3.2**	**1.7**
Pengeluaran pinjaman*	258.1	516.5	267.4	266.7	534.1	11.5	14.4	3.5	3.3	3.4
PDS kasar[1]	17.7	37.3	10.5	20.1	30.6	59.8	12.6	-46.5	13.4	-18.0
Ekuiti	5.2	9.4	4.7	3.3	8.0	7.2	61.2	11.3	-36.4	-15.0
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**28.8**	**61.1**	**26.0**	**32.2**	**58.2**	**9.1**	**9.1**	**8.3**	**8.3**	**8.3**
Sistem perbankan	27.7	49.9	23.7	27.1	50.9	9.2	9.2	9.2	8.9	8.9
Pinjaman terkumpul (A)	*25.8*	*46.8*	*22.2*	*25.8*	*48.0*	*9.3*	*9.3*	*9.2*	*9.1*	*9.1*
Pemegangan PDS	*1.9*	*3.1*	*1.5*	*1.3*	*2.9*	*7.4*	*7.4*	*8.2*	*7.4*	*7.4*
PDS terkumpul (B)	3.0	14.3	3.8	6.4	10.2	8.5	8.5	5.4	6.1	6.1
Memorandum										
PDS kasar[2]	18.5	39.1	10.9	20.5	31.5	56.5	13.4	-46.8	10.8	-19.5

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S2 2014	ST1 2014	S1 2015	S2 2015	ST1 2015		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**180.9**	**364.9**	**189.0**	**193.2**	**382.2**	**71.6**	**43.0**
Syarikat besar[1]	*123.8*	*252.2*	*123.0*	*129.3*	*252.3*	*47.2*	*25.2*
*PKS**	*57.0*	*112.6*	*66.0*	*63.8*	*129.9*	*24.3*	*17.8*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	7.2	15.9	8.8	13.6	22.4	4.2	2.5
Perlombongan dan kuari	3.9	7.4	7.0	3.9	10.9	2.0	0.9
Perkilangan	52.8	107.2	50.4	51.8	102.2	19.1	7.3
Pembinaan	14.5	31.3	17.4	15.3	32.7	6.1	4.2
Harta tanah	11.7	24.7	13.3	12.1	25.3	4.7	6.4
Bekalan elektrik, gas dan air	2.1	4.7	1.8	2.5	4.3	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	52.8	106.5	47.0	49.0	96.0	18.0	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.4	13.1	6.1	6.7	12.8	2.4	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	21.2	40.1	24.9	23.2	48.1	9.0	6.9
Isi rumah	**77.3**	**151.7**	**78.4**	**73.5**	**151.9**	**28.4**	**57.0**
Pembelian harta kediaman	20.0	39.7	21.0	21.7	42.7	8.0	28.1
Kredit penggunaan	42.1	82.4	44.4	40.8	85.2	16.0	17.2
Antaranya:							
Kad kredit	*24.5*	*48.7*	*26.3*	*24.0*	*50.2*	*9.4*	*2.5*
Pembelian kereta penumpang	*9.6*	*18.6*	*10.8*	*9.3*	*20.1*	*3.8*	*10.3*
Lain-lain	15.2	29.6	13.0	11.0	24.0	4.5	11.7
Jumlah	**258.1**	**516.5**	**267.4**	**266.7**	**534.1**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah										
Permohonan pinjaman	207.2	392.9	178.5	207.4	385.9	-0.7	-0.8	-3.9	0.1	-1.8
Kelulusan pinjaman	98.1	189.3	94.0	102.5	196.5	-5.6	-1.1	3.1	4.5	3.8
Pengeluaran pinjaman	258.1	516.5	267.4	266.7	534.1	11.5	14.4	3.5	3.3	3.4
Bayaran balik pinjaman	239.7	485.6	255.6	243.4	499.0	15.5	16.9	4.0	1.5	2.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	25.8	46.8	22.2	25.8	48.0	9.3	9.3	9.2	9.1	9.1
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	91.2	177.5	78.4	97.6	176.0	-0.4	0.7	-9.1	6.9	-0.8
Kelulusan pinjaman	35.1	69.9	39.9	47.0	86.9	-18.1	-9.6	14.5	33.8	24.2
Pengeluaran pinjaman	180.9	364.9	189.0	193.2	382.2	14.1	18.6	2.7	6.8	4.8
Bayaran balik pinjaman	175.8	355.4	187.8	178.0	365.8	21.3	22.9	4.6	1.2	2.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	8.3	19.3	9.8	8.1	17.9	7.3	7.3	8.9	8.7	8.7
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	46.6	90.0	42.4	50.6	93.0	-4.8	-2.8	-2.4	8.6	3.3
Kelulusan pinjaman	16.2	31.3	15.9	16.8	32.7	-15.8	-11.1	5.5	3.7	4.6
Pengeluaran pinjaman	57.0	112.6	66.0	63.8	129.9	0.7	0.4	18.9	11.9	15.4
Bayaran balik pinjaman	53.9	106.5	60.3	61.4	121.7	4.7	3.4	14.4	14.0	14.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.4	12.5	14.5	6.6	21.0	11.2	11.2	17.2	17.2	17.2
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	44.6	87.5	36.1	47.0	83.0	4.6	4.6	-15.8	5.2	-5.1
Kelulusan pinjaman	18.9	38.7	24.0	30.2	54.2	-20.0	-8.4	21.3	59.7	40.1
Pengeluaran pinjaman	123.8	252.2	123.0	129.3	252.3	21.6	29.0	-4.2	4.5	0.0
Bayaran balik pinjaman	122.0	248.8	127.5	116.6	244.1	30.5	33.7	0.6	-4.4	-1.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.9	6.8	-4.7	1.5	-3.2	4.3	4.3	2.3	1.7	1.7
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	116.0	215.4	100.1	109.8	209.9	-0.9	-1.9	0.7	-5.4	-2.6
Kelulusan pinjaman	63.0	119.3	54.1	55.5	109.7	3.2	4.7	-3.9	-11.9	-8.1
Pengeluaran pinjaman	77.3	151.7	78.4	73.5	151.9	5.8	5.5	5.4	-4.9	0.1
Bayaran balik pinjaman	63.9	130.2	67.8	65.4	133.2	1.9	3.3	2.2	2.3	2.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	18.5	34.5	16.3	12.9	29.2	11.5	11.5	9.8	8.7	8.7

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

perniagaan terus kukuh, dengan permohonan pinjaman lebih tinggi oleh syarikat besar dan juga PKS berbanding dengan suku sebelumnya. Ini diikuti oleh kelulusan pinjaman lebih tinggi kepada kedua-dua segmen.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat RM12.9 bilion pada suku kedua (S1 2015: RM16.3 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 8.7% pada suku itu (S1 2015: 9.8%).

Dana bersih lebih tinggi dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM39.3 bilion pada

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**8.5**	**32.5**	**13.2**	**30.1**	**43.3**
Sekuriti Kerajaan Kasar	24.6	52.1	27.0	30.1	57.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11.9	26.4	13.5	12.5	26.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	10.0	19.1	9.5	14.1	23.6
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	*2.6*	6.6	4.0	3.5	7.5
Tolak: Penebusan	16.0	19.5	13.8	-	13.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	16.0	16.0	11.8	-	11.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	3.5	2.0	-	2.0
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**8.7**	**24.0**	**7.8**	**9.1**	**16.9**
Saham	5.2	9.4	4.7	3.3	8.0
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	3.5	14.7	3.1	5.8	9.0
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*18.5*	*39.1*	*10.9*	*20.5*	*31.5*
Tolak: Penebusan	*15.0*	*24.4*	*7.8*	*14.7*	*22.5*
Jumlah	**17.2**	**56.6**	**21.0**	**39.3**	**60.2**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

suku kedua (S1 2015: RM21.0 bilion). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih sekuriti hutang kerajaan dan swasta yang lebih tinggi.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam meningkat kepada RM30.1 bilion (S1 2015: RM13.2 bilion) pada suku itu. Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3 tahun dan 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 7 tahun, 10 tahun dan 20 tahun serta GII 5 tahun dan 7 tahun. Di samping itu, dana diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan sebanyak RM3.5 bilion. Tidak ada penebusan dibuat pada suku itu.

Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh juga lebih tinggi pada RM9.1 bilion (S1 2015: RM7.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi. Dana yang diperoleh dalam pasaran PDS didorong terutamanya oleh terbitan dalam sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan*. Sementara itu, terbitan ekuiti pada suku kedua menjadi sederhana kepada RM3.3 bilion (S1 2015: RM4.7 bilion).

Kadar hasil bon jangka sederhana hingga panjang meningkat sedikit

Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa meningkat, kadar hasil MGS pada amnya kekal stabil pada dua bulan pertama suku kedua. Walau bagaimanapun, bermula bulan Jun, keluk kadar hasil MGS bertambah curam disebabkan penjualan bon jangka sederhana dan panjang oleh pelabur berikutan jangkaan yang meningkat bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah. Keadaan ini turut dialami dalam pasaran bon serantau lain. Kadar hasil jangka pendek terus menurun disebabkan pembelian berterusan oleh pelabur berikutan jangkaan pasaran bahawa OPR tidak berubah. Bagi keseluruhan suku kedua, kadar

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

hasil MGS 3 tahun menurun sebanyak 5 mata asas manakala kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun meningkat sedikit, masing-masing sebanyak 7.5 dan 13.8 mata asas. Dalam pasaran PDS, kadar hasil terus stabil berikutan permintaan yang berterusan oleh pelabur domestik.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder adalah lebih rendah pada RM218.5 bilion pada suku kedua (S1 2015: RM238.4 bilion), apabila pelabur masih berhati-hati ekoran ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global. Penurunan urus niaga ini tertumpu terutamanya pada dagangan MGS dan GII yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah, masing-masing pada 0.32 dan 0.33.

FBM KLCI menyusut pada suku kedua

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menyusut 6.8% untuk ditutup pada 1,706.6 mata pada akhir bulan Jun 2015 (akhir bulan Mac 2015: 1,830.8 mata). Penyusutan ini didorong terutamanya oleh pelupusan pemegangan oleh pelabur bukan pemastautin berikutan jangkaan yang meningkat bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah sebelum penghujung tahun 2015. Selaras dengan pasaran ekuiti serantau, sentimen terus terjejas menjelang akhir suku kedua berikutan penghindaran risiko yang meningkat oleh pelabur ekoran kebimbangan mengenai krisis hutang Greece.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran menurun kepada RM1.66 trilion pada akhir bulan Jun 2015 (akhir bulan Mac 2015: RM1.74 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.92 bilion unit (S1 15: 2.11 bilion unit) pada suku itu.

Pada 11 Ogos 2015, KLCI ditutup lebih rendah pada 1636.7 mata (sejak akhir bulan Jun 2015: -4.1%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.60 trilion (sejak akhir bulan Jun 2015: -3.7%).

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2015 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2014	2015	
	Pada akhir		
	Jun	Mac	Jun
Indeks harga			
Komposit	1,882.7	1,830.8	1,706.6
FBMEMAS[1]	13,049.8	12,563.4	11,771.9
Pasaran ACE[2]	6,668.8	7,120.2	6,220.3
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,770.4	1,737.5	1,659.0
Bilangan syarikat yang disenaraikan	906	903	905
	Pada tempoh		
	S2	S1	S2
Urus niaga harian purata			
Jumlah (juta unit)	1,876.3	2,107.4	1,918.0
Nilai (RM juta)	2,192.4	2,177.4	2,002.1

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2014				2015					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	118.2	138.1	238.9	265.5	124.3	128.5	120.8	126.1	245.2	254.6
Antaranya:										
Papan Utama	91.4	131.8	182.7	251.5	75.8	117.7	72.7	114.1	148.5	231.8
Antaranya										
Produk Pengguna	6.2	6.0	14.6	13.2	7.4	6.4	6.2	6.2	13.7	12.6
Produk Industri	16.2	12.5	35.0	25.6	12.8	11.1	14.3	12.4	27.0	23.4
Pembinaan	5.1	7.1	9.1	13.0	3.7	5.9	4.6	7.0	8.3	12.9
Dagangan/Khidmat	36.4	54.8	70.3	106.7	32.7	55.4	31.2	52.1	63.9	107.6
Kewangan	3.9	27.0	7.3	45.8	3.5	21.3	3.0	18.3	6.4	39.6
Harta Benda	11.9	9.7	22.4	17.5	5.4	4.8	5.3	4.9	10.7	9.7
Perladangan	1.5	5.5	3.2	10.9	1.0	3.5	1.0	3.4	2.0	6.9
Infrastruktur	1.5	4.4	3.0	9.1	1.0	4.4	1.1	5.3	2.1	9.7
Pasaran ACE[1]	22.9	5.5	49.8	12.6	41.2	8.7	40.3	9.9	81.5	18.7

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Penyusutan nilai ringgit didorong faktor luar dan dalam negeri

Pergerakan nilai ringgit dan mata wang serantau lain terus dipengaruhi oleh perubahan pada sentimen pelabur dan pelaburan portfolio sepanjang suku tahun. Walaupun penunjuk ekonomi AS yang lebih rendah pada bulan April menyebabkan aliran masuk dana ke dalam pasaran kewangan serantau pada awalnya, namun data ekonomi yang lebih baik pada bulan Mei dan Jun menyebabkan perubahan jangkaan terhadap pengaturan masa kadar faedah akan dikembalikan ke paras yang lebih wajar oleh Federal Reserve. Perubahan ini, bersama-sama dengan kebimbangan berhubung dengan perkembangan di Greece telah menyebabkan minat dalam aset kewangan serantau berkurang. Walau bagaimanapun, ringgit menghadapi pelarasan lebih besar ekoran harga minyak mentah global yang lebih rendah dan ketidakpastian tentang keputusan agensi penarafan terhadap penarafan kredit berdaulat Malaysia.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua. Ringgit turut menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.1%), dolar Australia (-2.5%), euro (-5.2%), dan paun sterling (-7.7%). Berbanding dengan semua mata wang serantau kecuali baht Thailand (2.0%), ringgit menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.9%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2015)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 Julai hingga 11 Ogos 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 4.2%. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.4%), yen Jepun (-2.4%) dan paun sterling (-3.3%), namun menambah nilai berbanding dengan dolar Australia (0.3%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 2005	S2 2014	1Q 2015	S2 2015	21 Jul 2005	S2 2014	S1 2015
Dolar AS	3.8000	3.2105	3.7165	3.7855	0.4	-15.2	-1.8
Euro	4.6212	4.3806	4.0153	4.2364	9.1	3.4	-5.2
Paun sterling	6.6270	5.4672	5.4935	5.9527	11.3	-8.2	-7.7
Dolar Australia	2.8823	3.0235	2.8329	2.9059	-0.8	4.0	-2.5
100 yen Jepun	3.3745	3.1690	3.0903	3.0946	9.0	2.4	-0.1
Dolar Singapura	2.2570	2.5703	2.6997	2.8096	-19.7	-8.5	-3.9
100 baht Thailand	9.0681	9.8937	11.423	11.205	-19.1	-11.7	2.0
100 peso Filipina	6.8131	7.3589	8.3111	8.3899	-18.8	-12.3	-0.9
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0269	0.0284	0.0284	36.0	-5.3	-0.1
100 won Korea	0.3665	0.3173	0.3342	0.3384	8.3	-6.2	-1.2
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.751	11.874	12.257	-3.0	-12.3	-3.1
Renminbi China	0.4591	0.5172	0.5993	0.6099	-24.7	-15.2	-1.7

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pasaran derivatif pertukaran asing meningkat dengan ketidaktentuan lebih ketara dalam pasaran kewangan

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat 11.0% (suku tahunan) pada suku kedua tahun 2015 (S1 2015: -5.6%). Peningkatan dicatat terutamanya dalam aktiviti urus niaga hadapan dan swap pertukaran asing oleh pemastautin yang meningkat 46.9% berbanding dengan suku pertama 2015 apabila pengeksport tempatan mengambil peluang daripada penambahan nilai dolar AS untuk melindung nilai dedahan mata wang asing mereka melalui penjualan hadapan dolar AS. Pasaran swap pertukaran asing juga aktif kerana peserta antara bank memudahkan peningkatan urus niaga dan perlindungan nilai dalam persekitaran yang ketara tidak menentu. Pada suku itu, turun naik ringgit tersirat 1 bulan purata adalah sebanyak 8.9%, tinggi sedikit daripada paras purata yang pernah dicatatkan iaitu 6.0 - 8.0%.

Sementara itu, kos tersirat peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang pada mulanya menurun, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun menyusut daripada 83 mata asas kepada 75 mata asas pada bulan April 2015. Namun, sentimen risiko yang meningkat ekoran ketakpastian mengenai pengaturan masa kenaikan kadar faedah oleh Federal Reserve dan kesan masalah hutang Greece menyebabkan swap mata wang meningkat semula kepada 83 mata asas menjelang bulan Jun 2015.